PEJABAT KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA,
PARAS 7, BLOK J, Tel : 03-2586900
PUSAT BANDAR DAMANSA Fax : 03-2535150
50604 KUALA LUMPUR Laman Web: http://www-moe.gov.my

KP(BS)8591/Jld. XVII( 5)
1 Ogos 2002

Semua Pengarah Pendidikan Negeri

Y.Bhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

***SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 5 / 2002:***
**Lawatan Sekolah Pada Hari Persekolahan**

Adalah menjadi dasar Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menggalakkan pihak sekolah supaya menganjurkan lawatan untuk murid-murid sekolah yang berunsurkan pendidikan yang boleh memberi pengukuhan kepada proses pengaiaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah sama ada semasa cuti persekolahan mahupun semasa hari persekolahan biasa.

2. Bagi memastikan lawatan sekolah yang dirancang itu benar-benar memberl manfaat kepada murid-murid yang mengikutinya, Surat Pekeliling Ikhtisas ini memperincikan beberapa panduan yang perlu diikuti oleh setiap sekolah semasa merancang sebarang Lawatan Sekolah pada hari persekolahan.

2.1 Lawatan Sekolah semasa hari persekolahan mestilah tidak melebihi 2 kali dalam setahun.

2 2.2 Setiap Lawatan Sekolah mestilah tidak melebihi 4 hari berturut-turut termasuk hari perjalanan.

2.3 Sekolah-sekolah yang kurang murid *(under enrolled)* lawatan semasa hari persekolahan boleh dibuat dengan syarat sekolah tidak ditutup sebaliknya digalakkan supaya bergabung dengan sekolah-sekolah lain semasa membuat lawatan.

2.4 Setiap Lawatan Sekolah mesti disediakan perancangan aktivit murid sebelum, semasa dan selepas lawatan.

2.5 Laporan lawatan yang disediakan oleh murid-murid hendaklah dikaitkan dengan pembelajaran di dalam bilik darjah.

2.6 Lawatan Sekolah boleh dibuat ke tempat-tempat kategori berikut

2.6.1 Sains dan Teknologi / Alam Sekitar
- ♦ Planetarium
- ♦ Muzium Sains
- ♦ Petrosains
- ♦ Cyberjaya
- ♦ Wetland di Paya Indah & Putrajaya
- ♦ FRIM

- Zoo
- Taman Pertanian
- Stesyen Satelit
- Kilang Elektronik
- Kilang KeretaJMotosikal
- Kilang Makanan
- Pelabuhan dan Perkapalan
- Lapangan Terbang

2-6.2 Mercu Tanda

- Bangunan Parlimen
- Masjid Negara
- Putrajaya
- Tugu Negara
- Menara Petronas
- Menara Kuala Lumpur
- Dataran Merdeka

2.6.3 Galeri

- Memorial Tunku Abdul Rahman
- Memorial Tun Abdul Razak
- Galeri Perdana (Langkawi)
- Balai Seni Lukis Negara

2.6.4 Kesenian dan Kebudayaan

- Istana Budaya
- Dewan Filharmonik Petronas
- Pusat Kraftangan
- Kilang batik dan songket

2.6.5 Sejarah

- Muzium Sejarah
- Kesan-kesan sejarah
- Rumah Kelahiran pemimpin negara
- Tempat-tempat bersejarah

dan tempat-tempat lain yang dianggap sesuai dengan matlarmat pengajaran dan pembelajaran murid,

2.7 Semua prosedur untuk mengadakan Lawatan Sekolah hendaklah dipatuhi seperti yang dinyatakan dalam PERATURAN-PERATURAN PENDIDIKAN (LAWATAN SEKOLAH).

3. Surat Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama dengan **Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 12/2000 Lawatan Pendidikan Murid Di Hari Persekolahan bertarikh 28 Julai 2000.**

4. Sila maklumkan kandungan surat pekelding Ikhtisas ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan,Bahagian/Daerah dan Pengetua serta Guru Besar sekolah di bawah pentadbiran Y.Bhg. Datuk/Dato' / Tuan / Puan.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**



DATUK ABDUL RAFIE BIN MAHAT
Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia